

Pemuda syor jawatankuasa khas agih zakat

UM - 8 DEC 2001

KUALA LUMPUR 7 Dis. — Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia hari ini mencadangkan supaya kerajaan **membentuk** satu jawatankuasa khas bagi memastikan kaedah agihan zakat berasaskan Baitulmal dapat **dilaksanakan** dengan lebih cekap.

Ketua Sekretariat Tetap Hal Ehwal Agamanya, Shamsul Najmi Shamsuddin berkata, **jawatankuasa** itu perlu dikawal selia oleh Bank Negara bagi **mengelakkan** sebarang **masalah** terhadap pengagihan **wang z a k a t**.

“Bank Negara yang mempunyai **rekod cemerlang** dalam **mengurus pelbagai** sektor kewangan boleh **dibe-**

rikan kepercayaan **untuk** menjadi **asas** pengukuhan, kecekapan dan **keberkesanan** institusi Baitulmal,” **katanya** dalam satu **kenyataan** akhbar, di **sini** hari ini.

Baru-baru ini, pelbagai pihak telah mempersoalkan mengenai kelemahan **fungsi** institusi zakat di negara **ini** **terutama** dalam aspek **ketelusan** pengagihan wang.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata **baru-baru ini**, kerajaan tidak menolak **kemungkinan** menubuhkan Lembaga Urusan **Zakat** Malaysia (**LUZAM**) bagi **menyelaraskan** kutipan dan agihan zakat di semua **nege-**

ri. Mengulas lanjut, Sham-

sul Najmi berkata, **pusat-pusat pungutan** zakat yang **diswastakan** oleh Baitulmal **kini mungkin** tidak lagi diperlukan sekiranya **jawatankuasa** khas itu **ditubuhkan**.

“Majlis Agama Islam negeri-negeri tidak wajar dibebankan **lagi** untuk **mengendahkan** Baitulmal **kerana** kos **memungut** wang zakat boleh dikendalikan sendiri oleh Bank Negara,” jelasnya.

Beliau y a n g **juga** ahli Exco Pemuda UMNO Malaysia, berkata, **selain** ahli agama, **jawatankuasa** ini **wajar** dianggotai oleh **ahli** agama, pakar **ekonomi**, **perbankan**, **pengauditan** dan **kemasyarakatan**.